

**1. Siapakah yang mendorong saudari untuk menceburi bidang ini?**

TENTULAH ketua projek saya pada ketika itu, Prof. Madya Dr. Normahdiah daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM yang membuka jalan dan memberi peluang kepada saya untuk terlibat di dalam program InnoHub.

Beliau memberi kepercayaan dan akses penuh kepada saya untuk membangunkan produk inovasi STAR Kit (Story Telling Augmented Reality Kit) daripada proses validasi pasaran sehingga proses pengkomersialan.

Selain itu, rakan-rakan InnoHub, keluarga dan mentor-mentor, terutamanya daripada Putra Science Park, UPM yang banyak memberi sokongan dan galakan daripada awal sehingga hari ini.

Tambahan pula, UPM sangat menggalakkan warga universiti terlibat di dalam keusahawanan terutamanya golongan mahasiswa.



PROGRAM InnoHub membantu Nadiah meningkatkan pembangunan diri.

**4. Apakah pengalaman yang diperoleh semasa melibatkan diri dalam aktiviti ini?**

MENJADI pengurus projek (CEO) sebuah syarikat *start-up* di dalam dunia *technopreneurs* bukanlah selalu indah, tambahan pula berkaitan dengan pengkomersialan teknologi dan inovasi bukanlah sesuatu yang mudah.

Kami di Innohub sentiasa diminta untuk menyertai sesi *pitching* atau pembentangan dengan agensi-agensi kerajaan atau korporat yang menawarkan dana serta geran untuk program keusahawanan teknologi.

Melalui pengalaman dan formula InnoHub, hasil penyelidikan dan produk saya yang bermula sebagai projek tahun akhir semasa peringkat Ijazah Sarjana dapat diangkat ke tahap produk komersial.

Dengan pencapaian ini, saya dan kesemua pelajar UPM yang terlibat dalam kajian tersebut melalui program InnoHub kini merupakan CEO syarikat yang menghasilkan dan memasarkan produk tersebut.

# Nadiah Suboh sertai program InnoHub UPM

**M**ENYEDARI pelajar adalah tunas potensi yang perlu digilap, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor sentiasa membuka peluang dan ruang kepada para pelajar untuk membentuk peribadi dan sahsiah diri melalui pelbagai medium bagi memastikan graduan yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri berkebolehpasaran.

Salah satunya adalah program keusahawanan teknologi (*technopreneurs*) di bawah program InnoHub UPM.

Nadiah Suboh, 30, yang terlibat dengan program itu berkata, dia memilih untuk terlibat secara serius di dalam InnoHub UPM kerana dapat membangunkan diri bukan sahaja dalam inovasi

yang diketengahkan, bahkan membangunkan perniagaan berdasarkan inovasi dan teknologi yang dicipta bersama pensyarah.

Melalui program itu, para pelajar dibimbing untuk mengenal pasti potensi perniagaan bagi inovasi yang dihasilkan di UPM.

Tambah Nadiah, program itu adalah komprehensif, merangkumi kajian validasi pasaran, pembangunan kanvas perniagaan dan yang paling utama adalah sesi *pitching* kepada pemberi dana atau pelabur berpotensi agar perniagaan yang telah dibangunkan dapat direalisasikan.

Ikuti temu bual GenK bersama penuntut pengajian peringkat Doktor Falsafah Bahasa Melayu itu untuk mengetahui penglibatannya dalam program InnoHub UPM.

**2. Apakah cabaran dalam menyertai bidang ini?**

SEBAGAI seorang penuntut jurusan Bahasa Melayu, adalah sukar pada mulanya untuk bergaul dan berbahasa Inggeris dengan orang.

Memang pada mulanya kekangan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris membuatkan saya hampir mengalah dan berputus asa, namun dengan latihan yang konsisten serta modul InnoHub yang diberikan oleh mentor serta sokongan daripada rakan-rakan, saya berjaya mengatasi kelemahan sendiri dan menjadi lebih berkeyakinan.

Dengan pendedahan dan latihan yang diterima, saya yang pada mulanya dianggap paling pasif dalam InnoHub berjaya mengatasi kelemahan diri sehingga menjadi *speaker* jemputan untuk program ASEAN U-Start Conference dan mewakili UPM menyertai Youth Entrepreneurship Camp di bawah program Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) di peringkat ASEAN.



**5. Bagaimanakah saudari membahagikan masa di antara pengajian dan aktiviti-aktiviti yang diceburi ini?**

PENGLIBATAN dengan InnoHub memerlukan 100 peratus masa dan fokus. Pada awalnya memang agak kejutan budaya dengan cara kerja dan skop kerja yang perlu dipikul.

Kita perlu sentiasa mengikuti kelas InnoHub serta program berkaitan dengan

bidang *technopreneurs* baik dalam universiti maupun program atau kursus di luar kampus untuk melengkapkan validasi pasaran produk.

Program sebegini penting kerana kita perlu sentiasa peka dengan keadaan semasa, apa yang berlaku dan



NADIAH berjaya mewakili UPM dalam beberapa program antarabangsa.

**3. Apakah kelebihan menyertai InnoHub?**

KELEBIHAN melibatkan diri dalam InnoHub adalah ianya memberi peluang pekerjaan baharu kepada saya atau penuntut Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam masa yang sama meneruskan pengajian dalam bidang yang sama.

Dengan pendedahan yang lebih realistik, kita dapat memahami apa sebenarnya yang diperlukan oleh orang ramai dan bukannya membuat sesuatu berdasarkan andaian atau teori semata-mata.

PROJEK inovasi STAR Kit ini dilakukan bersama pelajar sekolah rendah.

belajar benda baharu untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan oleh seorang *technopreneurs*.

Saya agak bernasib baik kerana bidang pengajian saya berkaitan dengan apa yang dilakukan, kiranya sambil menyelam minum air.